



KENYATAAN MEDIA

Untuk siaran segera

CUKAI TERTUNGGAK: SYARIKAT DAN INDIVIDU DIISYTIHARKAN MUFLIS

Lapan pembayar cukai yang terdiri daripada lima syarikat dan tiga orang individu diisytiharkan muflis kerana gagal menjelaskan cukai tertunggak dengan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) yang keseluruhannya berjumlah **RM2,062,168.50**.

Senarai syarikat dan individu tersebut adalah seperti berikut:

Bil.	Pembayar Cukai	Fakta Kes
1	Westcoast Communications Sdn. Bhd. (Dahulu dikenali sebagai Sensible Edition Sdn. Bhd.)	Hakim Mahkamah Tinggi Shah Alam, Y.A Dato' Hj. Mohd Yazid bin Hj. Mustafa telah membenarkan petisyen Kerajaan Malaysia melalui Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) bagi mendapatkan perintah penggulungan Syarikat Westcoast Communications Sdn. Bhd. kerana gagal membayar amaun cukai tertunggak beserta kenaikan sebanyak RM109,995.82 untuk Tahun Taksiran 2007 dan 2009. LHDNM diwakili oleh Peguam Hasil Muhammad Harez Fitri Roslee, manakala pembayar cukai tidak diwakili peguam.

2	Premium Wheels Marketing Sdn. Bhd. (Dahulu dikenali sebagai Public Brand Sdn. Bhd.)	Hakim Mahkamah Tinggi Shah Alam, Y.A Dato' Hj. Mohd Yazid bin Hj. Mustafa telah membenarkan petisyen Kerajaan Malaysia melalui Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) bagi mendapatkan perintah penggulungan Syarikat Premium Wheels Marketing Sdn. Bhd. kerana gagal membayar amaun cukai tertunggak beserta kenaikan sebanyak RM47,971.07 untuk Tahun Taksiran 2009. LHDNM diwakilli oleh Peguam Hasil Muhammad Harez Fitri Roslee.
3	Chui Wai Hoong	Mahkamah Tinggi Temerloh, Pahang telah membenarkan permohonan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia untuk Petisyen Pemiutang, Perintah Penerimaan dan Perintah Penghukuman Kebankrapan dikuatkuasakan terhadap pembayar cukai kerana gagal membayar amaun cukai tertunggak beserta kenaikan sebanyak RM168,727.74 untuk Tahun Taksiran 2004 sehingga 2008. LHDNM diwakili oleh Peguam Hasil Sharifah Mushellika Farazdia Eliya Sayed Mustafar.
4	Lee Chuan Hwa	Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur telah membenarkan petisyen Kerajaan Malaysia melalui Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) bagi menguatkuasakan perintah Kebankrapan terhadap pembayar cukai kerana gagal membayar amaun cukai tertunggak beserta kenaikan sebanyak RM57,578.24 untuk Tahun Taksiran 1995, 1997, 1998, 1999, 2000, 2001 dan 2010. LHDNM diwakili oleh Peguam Hasil Muhammad Afiq Ahmad Tajuddin.

5	RCT Food Marketing Sdn. Bhd.	Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur membenarkan petisyen Kerajaan Malaysia melalui Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) bagi menggulung Syarikat RCT Food Marketing Sdn. Bhd. yang merupakan syarikat pembekal makanan sejukbeku (<i>frozen food</i>) atas kegagalan syarikat tersebut membayar amaun cukai tertunggak berserta kenaikan sebanyak RM74,181.02 untuk Tahun Taksiran 2015. LHDNM diwakili oleh Peguam Hasil Nur Farzana Mohammad Puat.
6	Armenia (M) Sdn. Bhd.	Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur membenarkan petisyen Kerajaan Malaysia melalui Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) bagi menggulung Syarikat Armenia (M) Sdn. Bhd. yang merupakan syarikat yang menjalankan perniagaan <i>assembling electronics parts</i> atas kegagalan syarikat tersebut membayar amaun cukai tertunggak berserta kenaikan sebanyak RM70,242.53 untuk Tahun Taksiran 2002, 2003, 2004, 2005 dan 2006. LHDNM diwakili oleh Peguam Hasil Muhammad Danial Izzat Zulbahari.
7	Nikseng Development Sdn. Bhd.	Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur membenarkan petisyen Kerajaan Malaysia melalui Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) bagi menggulung Syarikat Nikseng Development Sdn. Bhd. yang merupakan syarikat pemaju perumahan atas kegagalan syarikat tersebut membayar amaun cukai tertunggak berserta kenaikan sebanyak RM1,469,772.15 untuk Tahun Taksiran 1989. LHDNM diwakili oleh Peguam Hasil Umi Khairunnisa Mohd Soffian Lee.

8	Chin Yan Har	Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur telah membenarkan petisyen Kerajaan Malaysia melalui Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) bagi menguatkuasakan perintah Kebankrapan terhadap pembayar cukai kerana gagal membayar amaun cukai tertunggak beserta kenaikan sebanyak RM63,699.93 untuk Tahun Taksiran 2002, 2003 dan 2007. LHDNM diwakili oleh Peguam Hasil Siti Aslinda Razak.
---	--------------	--

#

SEKIAN, TERIMA KASIH



Dikeluarkan oleh:

**Bahagian Komunikasi | Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

☎ : 03-8313 8888 samb. 21658 / 21674 | 📠 : 03-8313 7873
Hasil Care Line : 1-800-88-5436 (LHDN) | Portal Rasmi : www.hasil.gov.my

Tarikh: 28 September 2017